



MOHD FAUZI RAMLAN (empat dari kanan) dan Japar Sidik Bujang (lima dari kanan) bersama para pemenang hadiah pertandingan gerai terbaik pada majlis perasmian Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM Ke-39 di Bukit Ekspo UPM di Serdang, semalam.

1,000 anak pokok buah-buahan ditawarkan dalam Ekspo Pertanian UPM

KUALA LUMPUR 30 Okt. - Sebanyak 1,000 anak pokok buah-buahan termasuk pelbagai klon anak pokok durian ditawarkan dalam Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-39 yang berlangsung di Bukit Ekspo UPM bermula hari ini hingga Rabu depan.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, antara anak pokok durian yang dijual dalam ekspo berkenaan ialah daripada jenis klon D24, D99 (Kop Kecil), D168 (Hajah Hasmah) dan D197 (Raja Kunyit).

Beliau menambah, anak dan benih pokok itu ditawarkan pada harga serendah RM10 bagi setiap jenis pokok.

"Sama seperti tahun sebelum ini, anak-anak pokok durian sentiasa menjadi rebutan para pengunjung terutama daripada jenis Musang King.

"Selain itu, anak pokok rambut-an jenis R191, anak pokok mangga jenis MA224 Cok Anan, anak pokok

angka jenis J33 dan anak pokok jambu batu jenis GU15 turut dijual," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan ekspo tersebut di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsuddin dan Pengarah Taman Pertanian Universiti UPM, Prof. Dr. Japar Sidik Bujang.

Pada tahun ini, ekspo pertanian itu yang dianjurkan dengan kerjasama Kumpulan Utusan sebagai media rasmi akan membawa tema 'Mendepani Pertanian' bagi menarik minat masyarakat supaya menjadikan aktiviti pertanian ke arah kehidupan yang lebih dinamik.

Mengulas lanjut, Mohd. Fauzi berkata, ekspo pada tahun ini juga akan mengetengahkan pelbagai pameran serta aktiviti berteraskan pertanian seperti jualan hasil pertanian serta produk hiliran kepada para pengunjung.

"Selain itu, kita juga ada mem-

pamerkan hasil produk-produk pertanian serta beberapa produk lain yang dihasilkan tenaga akademik UPM," jelasnya.

Terdahulu, ketika berucap merasmikan ekspo tersebut, Mohd. Fauzi turut mengucapkan tahniah di atas kejayaan UPM memperbaiki kedudukan dalam bidang sains pertanian di peringkat antarabangsa seperti dilaporkan oleh US News & World Report.

Beliau berkata, di peringkat global, UPM berada pada kedudukan ke-45, iaitu meningkat sembilan tempat dari kedudukan ke-54 pada tahun lalu.

"Ini adalah satu kejayaan yang membanggakan kerana UPM sendiri bertunjangkan pertanian sebagai asas penubuhannya.

"Kejayaan ini adalah hasil kerjasama semua warga UPM di samping pengajaran akademik berkualiti tinggi, kajian dan sumbangan luas warga UPM yang telah diiktiraf di peringkat global," jelasnya.